



**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA**  
BAHAGIAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN  
Aras 3-6, Blok C1, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62510 W.P. PUTRAJAYA  
MALAYSIA  
Tel. : 03-8885 3000  
Faks : 03-8889 2176  
Web : <http://www.jpa.gov.my>



Ruj. Kami: JPA(I)S.178/1/5-10 (2)  
Tarikh : 5 November 2012

Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian

Ketua-Ketua Jabatan/Perkhidmatan Persekutuan

YBhg. Tan Sri/Puan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

## **PELAWAAN PROGRAM YURAN PENGAJIAN SECARA SEPARUH MASA KEPADA PENJAWAT AWAM TAHUN 2012**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita Jabatan ini mempelawa pihak YBhg. Tan Sri/Puan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan untuk mengemukakan pencalonan daripada kalangan pegawai-pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) serta Kumpulan Pelaksana di Kementerian/Jabatan/Agensi YBhg. Tan Sri/Puan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan untuk memohon kemudahan penajaan Program Yuran Pengajian Secara Separuh Masa bagi mengikuti pengajian di peringkat Sarjana Muda, Sarjana dan Ph.D.

3. Penajaan ini tidak meliputi Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan dan Kementerian/Jabatan/Agensi yang mempunyai peruntukan untuk mengendalikan kursus di peringkat Sarjana Muda/Sarjana/Ph.D atau Kementerian/Jabatan/Agensi yang mempunyai badan penaja yang lain. Antara Kementerian/Jabatan/Agensi yang dimaksudkan ialah **Kementerian Pelajaran Malaysia** (bagi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan dan Kumpulan Pelaksana Iantikan Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran), **Kementerian Pertahanan** (bagi Pegawai Perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia), **Kementerian Kesihatan Malaysia** (bagi Pegawai Perkhidmatan Perubatan & Kesihatan dan lain-lain skim perkhidmatan di bawah KKM), **Kementerian Pengajian Tinggi** (bagi Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi) dan **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi** (bagi Pegawai Sains, Penolong Pegawai Sains, Pembantu Makmal, Pegawai Penyelidik, Penolong Pegawai Penyelidik, Pegawai Meteorologi dan Pembantu Meteorologi) dan Agensi/Badan Berkanun yang telah diswastakan /dikorporatkan/ diasingkan sistem saraannya.

#### 4. Syarat-Syarat Kelayakan

Pegawai yang memohon hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:

- (i) Pegawai Kerajaan **Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) dan Kumpulan Pelaksana** yang dilantik ke dalam mana-mana perkhidmatan Persekutuan;
- (ii) **Telah berkhidmat** secara tetap untuk **tempoh sekurang-kurangnya dua (2) tahun** pada tarikh tutup permohonan;
- (iii) Telah **disahkan dalam skim perkhidmatan terkini** pada tarikh tutup permohonan;
- (iv) *Pegawai berumur tidak melebihi 50 tahun pada 31 Disember 2012;*
- (v) Mencapai markah **Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) purata 80 markah ke atas** bagi **tempoh genap 2 tahun skim perkhidmatan terkini** berturut-turut (**2010 & 2011**). Penilaian setahun LNPT **genap 12 bulan**;
- (vi) Pegawai:
  - (a) **Telah menerima tawaran dan memulakan pengajian** di peringkat **Ijazah Sarjana Muda atau Ijazah Sarjana atau Ph.D** pada tahun 2012 secara separuh masa di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) tempatan seperti di **LAMPIRAN 1**; atau
  - (b) **Sedang mengikuti pengajian** di peringkat **Ijazah Sarjana Muda atau Ijazah Sarjana atau Ph.D** pada tahun 2012 secara separuh masa di IPTA tempatan, dengan syarat masih mempunyai baki pengajian sekurang-kurangnya **tiga (3) semester** pada September 2012;
- (vii) Telah mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan untuk mengikuti pengajian secara separuh masa;
- (viii) Mengikuti pengajian dalam **bidang yang diiktiraf oleh Kerajaan** serta berdasarkan keperluan pasaran semasa dan prospek kerjaya akan datang, khususnya bagi Kumpulan Pelaksana. Semakan bidang-bidang yang diiktiraf boleh dibuat di portal e-SISRAF iaitu <http://pengiktirafan.jpa.gov.my> (bagi pengajian peringkat Sarjana Muda sahaja);
- (ix) Tidak mendapat penajaan (pinjaman atau biasiswa) daripada agensi penaja yang lain bagi pengajian yang diikuti;
- (x) Mengikuti pengajian di peringkat yang lebih tinggi daripada kelayakan akademik sedia ada yang dimiliki pegawai;

- (xi) Telah menyelesaikan atau sedang membuat pembayaran balik pinjaman pelajaran secara ansuran (sekiranya berkaitan) bagi pinjaman yang ditaja oleh JPA;
- (xii) Tidak tersenarai dalam senarai hitam JPA;
- (xiii) Bersih daripada pertuduhan/tindakan tatatertib dan bebas daripada dakwaan Mahkamah; dan
- (xiv) Telah mengisytiharkan harta.

## 5. Kemudahan

5.1 Pegawai yang berjaya akan diberi kemudahan penajaan yang merangkumi pembayaran **Yuran Pengajian** berdasarkan kaedah berikut:

PERINGKAT	KEMUDAHAN	TEMPOH MAKSIMUM TAJAAN
SARJANA MUDA	Yuran Pengajian dibayar sebagaimana dituntut oleh pihak universiti.	5 tahun
SARJANA		3 tahun
Ph.D		5 tahun

5.2 Selain daripada Yuran Pengajian, pegawai juga layak untuk mendapatkan kemudahan Cuti Kursus Sambilan tidak melebihi 30 hari dalam setahun seperti yang diperuntukkan di dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 2009 (Kemudahan Cuti Kursus Sambilan (CKS) Kepada Pegawai Yang Mengikuti Pengajian Secara Sambilan Di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Dalam Negara).

## 6. Ikatan Perjanjian Dengan Kerajaan

Pegawai yang berjaya ditawarkan penajaan tersebut dikehendaki menandatangani perjanjian untuk berkhidmat dengan Kerajaan.

## 7. Tatacara Permohonan / Pencalonan

### 7.1 Tanggungjawab pegawai

7.1.1 Pegawai yang berminat hendaklah mengisi borang permohonan secara dalam talian di portal JPA [www.jpa.gov.my](http://www.jpa.gov.my) atau <http://esilav2.jpa.gov.my>. Permohonan dibuka mulai **5 November 2012 sehingga 23 November 2012**.

7.1.2 Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah **dimuat turun dan dicetak** untuk dihantar kepada Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan masing-masing dengan disertakan bersama-sama:

- (i) Salinan Surat Tawaran kemasukan ke institusi;
- (ii) Salinan slip pendaftaran/surat pengesahan pendaftaran kemasukan ke institusi;
- (iii) Borang Maklumat Ringkas Pengajian (yang dilengkapkan oleh pihak institusi pengajian seperti di **LAMPIRAN A**);
- (iv) Borang Perakuan Ketua Jabatan (yang dilengkapkan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan seperti di **LAMPIRAN B**);
- (v) Borang Laporan Panel Pembangunan Sumber Manusia Kementerian/Jabatan untuk kursus dalam perkhidmatan - JPA(L) LDP 1A/96 (yang dilengkapkan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan seperti di **LAMPIRAN C**);
- (vi) Salinan Ijazah Diploma/Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM)/Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) atau kelulusan yang setaraf dengannya (sekiranya ada);
- (vii) Salinan Ijazah Pertama atau kelulusan yang setaraf dengannya (sekiranya ada);
- (viii) Salinan Ijazah Sarjana atau kelulusan setaraf dengannya (sekiranya ada);
- (ix) Salinan Pengiktirafan Kelayakan yang dicetak daripada portal e-SISRAF iaitu <http://pengiktirafan.jpa.gov.my> (bagi pengajian peringkat Sarjana Muda sahaja);
- (x) Salinan Senarai Tugas; dan
- (xi) Salinan kelulusan melanjutkan pengajian secara separuh masa daripada Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.

7.1.3 Permohonan dengan **dokumen yang tidak lengkap dan tidak dikemukakan melalui Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan serta tidak memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan** tidak akan diproses untuk tujuan pertimbangan.

7.2 Tanggungjawab Ketua Jabatan / Ketua Perkhidmatan.

7.2.1 Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan adalah dinasihatkan supaya membuat semakan yang teliti dan memberi sepenuh perhatian kepada syarat-syarat yang ditetapkan. Sehubungan itu, Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan bertanggungjawab untuk memperakukan pegawai-pegawai yang sesuai kepada Jabatan ini selewat-lewatnya pada **30 November 2012**. Hanya pencalonan yang disokong dan diperakukan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan sahaja yang perlu dikemukakan kepada Jabatan ini. Perakuan pencalonan mestilah dikemukakan bersama-sama **dokumen-dokumen di Perenggan 7.1.2**.

8. Tarikh Tutup Permohonan / Pencalonan

- 8.1 Tarikh tutup permohonan *online* bagi pegawai yang ingin memohon adalah pada **23 November 2012**.
- 8.2 Tarikh tutup pencalonan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan adalah pada **30 November 2012**.
- 8.3 Keputusan calon-calon yang berjaya akan diumumkan di laman web rasmi JPA iaitu [www.jpa.gov.my](http://www.jpa.gov.my) atau <http://esilav2.jpa.gov.my> pada **28 Disember 2012**.
- 8.4 Segala keputusan permohonan adalah muktamad dan sebarang rayuan tidak akan dipertimbangkan.

9. **Permohonan yang lengkap** hendaklah dikemukakan melalui Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan sebelum dihantar kepada:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia  
Bahagian Pembangunan Modal Insan  
Aras 3, Blok C1, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62510 W.P. PUTRAJAYA  
**(u.p. Unit Penawaran Latihan Dalam Perkhidmatan)**

Semua pertanyaan atau kemusykilan dalam urusan ini bolehlah menghubungi:

Unit Penawaran Latihan Dalam Perkhidmatan  
Bahagian Pembangunan Modal Insan  
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia


No. Telefon : 03 88853546  
No. Faks : 03 88892171  
Emel : [ldp@jpa.gov.my](mailto:ldp@jpa.gov.my)

10. Kerjasama yang diberikan oleh pihak YBhg. Tan Sri/Puan Sri/  
Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,



**(SARAYA BINTI ARBI)**  
Bahagian Pembangunan Modal Insan  
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
**MALAYSIA.**

**SENARAI INSTITUT PENGAJIAN TINGGI AWAM (IPTA)**

<b>BIL.</b>	<b>INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM (IPTA)</b>
1	Universiti Malaya (UM)
2	Universiti Sains Malaysia (USM)
3	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
4	Universiti Putra Malaysia (UPM)
5	Universiti Teknologi Mara (UITM)
6	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIA)
7	Universiti Malaysia Sabah (UMS)
8	Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)
9	Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
10	Universiti Utara Malaysia (UUM)
11	Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI)
12	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)
13	Universiti Teknikal Melaka (UTeM)
14	Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)
15	Universiti Malaysia Terengganu (UMT)
16	Universiti Malaysia Pahang (UMP)
17	Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
18	Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)
19	Universiti Malaysia Kelantan (UMK)
20	Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)